



KENYATAAN MEDIA

JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

10 NOVEMBER 2025

PERMULAAN MONSUN TIMUR LAUT 2025/2026

Monsun Timur Laut (MTL) 2025/2026 dijangka bermula pada **13 November 2025** dan berterusan sehingga Mac 2026. Dalam tempoh MTL ini, lima hingga tujuh episod hujan lebat berterusan dijangka berlaku.

Hujan lebat berterusan untuk tempoh beberapa hari boleh mengakibatkan kejadian banjir di kawasan berhampiran sungai dan berkedudukan rendah. Tiupan angin timur laut secara berterusan dan kencang boleh menyebabkan laut bergelora dan risiko kenaikan paras laut di perairan Laut China Selatan.

Orang ramai dinasihatkan agar bersiap sedia menghadapi episod hujan lebat MTL dengan sentiasa peka kepada maklumat, nasihat, ramalan dan amaran cuaca yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) melalui laman web www.met.gov.my, aplikasi mobil myCuaca, media sosial rasmi dan talian hotline MET Malaysia 1-300-22-1638.

Sumber:

DR. MOHD HISHAM BIN MOHD ANIP

Ketua Pengarah

Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam

10 November 2025, 2:30 petang